

**TEKS UCAPAN PANGLIMA TENTERA LAUT SEMPENA UPACARA
PEMAKAIAN PANGKAT PEGAWAI TLDM PADA 28 DIS 2015 (ISNIN)
DI KD SRI GOMBAK**

TIMBALAN PANGLIMA TENTERA LAUT, DATO'-DATO', PEGAWAI-PEGAWAI KANAN, PARA TETAMU, SAUDARA-SAUDARA, SAUDARI-SAUDARI *THE NAVY PEOPLE* YANG DIKASIHI DAN DIHORMATI SEKALIAN.

ALHAMDULILLAH, SETINGGI-TINGGI KESYUKURAN DIPANJATKAN KE HADRAT ALLAH SWT ATAS KELANCARAN MAJLIS KENAIKAN PANGKAT PADA HARI INI. KITA TELAH MENYAKSIKAN SERAMAI 2 ORANG PEGAWAI KANAN DINAIKKAN PANGKAT DENGAN KEKANANAN PADA **25 DISEMBER 2015** IAITU **PEMANGKU LAKSAMANA PERTAMA FADZILAH BIN HASAN TLDM** DAN **PEMANGKU KEPTEN FADHIL BIN ABDUL RAHMAN TLDM**. UNTUK MAKLUMAN HADIRIN SEKALIAN, MAJLIS PADA HARI INI ADALAH MERUPAKAN MAJLIS **KESEMBILAN (9)** YANG DILANGSUNGKAN PADA TAHUN INI. SUKA SAYA KONGSIKAN DI SINI BAHAWA, SAYA MERASA AMAT BERTUAH DAN SESUNGGUHNYA MENJADI KEBANGGAAN BAGI SAYA UNTUK MEMAKAIKAN PANGKAT PEGAWAI-PEGAWAI YANG KITA RAIKAN INI. PERCAYALAH BAHAWA, SETIAP INDIVIDU YANG TELAH DINAIKKAN PANGKAT ADALAH MERUPAKAN MANIFESTASI KEPERCAYAAN TLDM DAN ANGKATAN TENTERA MALAYSIA TERHADAP KEWIBAWAAN SERTA PRESTASI YANG TELAH DITUNJUKKAN OLEH SAUDARA SEKALIAN. SESUNGGUHNYA INI ADALAH SATU PENGIKTIRAFAN KEPADA SAUDARA AGAR TERUS MENCURAHKAN BAKTI KEPADA AGAMA, BANGSA DAN NEGARA.

HADIRIN YANG SAYA KASIH SEKALIAN,

DI KESEMPATAN INI, SAYA INGIN MERAKAMKAN JUTAAN TERIMA KASIH KHUSUSNYA KEPADA PARA ISTERI YANG SENTIASA MEMBERIKAN SOKONGAN BUKAN SAHAJA KEPADA PEGAWAI-PEGAWAI YANG KITA RAIKAN, MALAH KEPADA KITA SEMUA. ISTERI MERUPAKAN TEMPAT BERKONGSI SUKA DUKA DAN MERUPAKAN SUMBER MOTIVASI YANG SENTIASA MENEMANI KITA DI SISI. SAYA JUGA INGIN TERUS MENGGALAKKAN PARA ISTERI UNTUK TERUS MENYUMBANG KEPADA PERKHIDMATAN MELALUI PENGLIBATAN DALAM **BAKAT**.

SAYA INGIN MENINGATKAN SEMUA TERHADAP VISI KITA UNTUK MENJADIKAN TLDM SEBAGAI SEBUAH TENTERA LAUT BERTARAF DUNIA. KITA PERLU MENCAPAI KECEMERLANGAN DALAM SEMUA YANG KITA LAKUKAN DAN JUGA DALAM SEMUA PERSPEKTIF KEWUJUDAN KITA DI RANTAU INI. OLEH ITU KECEMERLANGAN TERSEBUT HANYA AKAN BOLEH DICAPAI DENGAN MENGAMALKAN KONSEP PELAKSANAAN OPERASI YANG CEMERLANG, OLEH SEBUAH ORGANISASI YANG CEMERLANG DAN TERDIRI DARIPADA WARGA YANG CEMERLANG. KEPADA PEGAWAI-PEGAWAI YANG TELAH DINAIKAN PANGKAT DAN *THE NAVY PEOPLE* KESELURUHANNYA, ANDA SEMUA MAMPU UNTUK MENJAYAKAN VISI INI DAN YAKINLAH DENGAN KEMAMPUAN DIRI.

LANJUTAN DARIPADA SERUAN KERAJAAN BAGI MELAHIRKAN MODAL INSAN YANG KREATIF DAN INOVATIF, SAYA SECARA PERIBADI INGIN MENYARANKAN BAHAWA KITA HARUSLAH BERANI UNTUK TERUS MENCUBA IDEA-IDEA BARU DALAM MEMBUAT PENAMBAHBAIKAN TERUTAMANYA DALAM

PROSES KERJA YANG SEDIA ADA. SEKIRANYA KITA MELIHAT PROSES KERJA SEDIA ADA TIDAK MENUNJUKKAN PENINGKATAN KEPADA PRESTASI, MAKA KITA PERLU MENINGGALKAN KAEDAH KERJA YANG *ORTODOKS* AGAR TLDM BERUPAYA BERGERAK MAJU SEIRING DENGAN PEREDARAN MASA DAN SETERUSNYA MENJADI *THE WORLD CLASS NAVY* YANG KITA IMPIKAN. KEJAYAAN 4 TIM TLDM YANG TELAH MEMENANGI ANUGERAH INOVASI KEMENTERIAN PERTAHANAN 2015 BARU-BARU INI, PATUT DIJADIKAN SEBAGAI CONTOH DAN TELADAN YANG BAIK KEPADA *THE NAVY PEOPLE* AGAR TURUT BERUSAHA UNTUK MEMPEROLEH PENCAPAIAN YANG SAMA ATAU KEJAYAAN YANG LEBIH CEMERLANG.

TAHUN INI JUGA, TLDM TELAH MELAHIRKAN PEGAWAI-PEGAWAI MUDA YANG BARU DITAULIAHKAN. MEREKA TERDIRI DARIPADA PEGAWAI KADET GRADUAN PENGAMBILAN KE-23 DAN PEGAWAI KADET UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA (UPNM) PENGAMBILAN KE-17 YANG BAKAL MENGISI ORGANISASI-ORGANISASI TLDM KELAK. PERLU DIINGAT BAHAWA MEREKA PASTINYA MEMPUNYAI PEMBAWAKAN DIRI YANG BERBEZA DARIPADA GENERASI TERDAHULU. CORAK KEPIMPINAN YANG PERLU DITUNJUKKAN OLEH KITA SEMUA PERLU SESUAI DENGAN PEREDARAN ZAMAN TETAPI TETAP MEMBERIKAN IMPAK YANG POSITIF SUPAYA BOLEH DICONTOHI OLEH PEGAWAI-PEGAWAI MUDA KITA AGAR MEREKA MENJADI SEORANG PEGAWAI TLDM YANG MANTAP. JUSTERU, SEBAGAI WARGA *THE NAVY PEOPLE* YANG PRIHATIN DENGAN MASA DEPAN TLDM, KITA PERLU MEMAINKAN PERANAN MASING-MASING UNTUK MENERAPKAN NILAI INTEGRITI DAN KEIKHLASAN DALAM PELAKSANAAN TUGAS KEPADA SEMUA LEBIH-LEBIH LAGI KEPADA PEGAWAI-PEGAWAI

MUDA KITA YANG BAKAL MENJADI BARISAN PEMIMPIN TLDM SATU HARI NANTI.

PARA HADIRIN SEKALIAN,

SEKARANG KITA MASIH LAGI DALAM MUSIM CUTI PERSEKOLAHAN DAN PERAYAAN HARI NATAL, WARGA TLDM DIINGATKAN UNTUK SENTIASA BERHATI-HATI SAMA ADA SEMASA MELAKUKAN PERJALANAN YANG JAUH ATAU DEKAT DAN SEMASA MENINGGALKAN RUMAH UNTUK BERCUTI. KESELAMATAN HARUS DIUTAMAKAN DAN LANGKAH-LANGKAH PENCEGAHAN PERLU DIAMBIL BAGI MENJAMIN KESELAMATAN WARGA TLDM SERTA KELUARGA MAHUPUN HARTA BENDA BERADA DALAM KEADAAN SELAMAT. WARGA TLDM JUGA DIGALAKKAN UNTUK MENGAMBIL PELUANG DI MUSIM CUTI PERSEKOLAHAN INI UNTUK MELUANGKAN MASA BERSAMA KELUARGA DAN BERCUTI BAGI MENJANA SEMULA TENAGA UNTUK BERKERJA PADA MASA AKAN DATANG. TLDM SENTIASA MENGUTAMAKAN KEBAJIKAN WARGANYA *THE NAVY PEOPLE* AGAR SENTIASA DALAM KEADAAN SIAP SIAGA PADA SEBILANG MASA.

AKHIR KATA, SEKALI LAGI SAYA MENGUCAPKAN TAHNIAH KEPADA PEGAWAI-PEGAWAI KANAN YANG TELAH DINAIKKAN PANGKAT. SEMOGA KENAIKAN PANGKAT INI DIIRINGI DENGAN RAHMAT DARIPADA ALLAH SUBHANAHU WATAALA AGAR KITA SEMUA BEROLEH KEJAYAAN DI DUNIA DAN DI AKHIRAT. SEKIAN, TERIMA KASIH.

STATISTIK KENAIKAN PANGKAT SEJAK 28 DIS 15

1. STATISTIK KENAIKAN PANGKAT MENGIKUT TAHUN BAGI PEGAWAI TLDM.

SIRI	TAHUN	PEGAWAI
A.	2015	21
JUMLAH		21

2. STATISTIK KENAIKAN PANGKAT PEGAWAI TLDM MENGIKUT PANGKAT DAN TAHUN.

SIRI	PANGKAT	2015	JUMLAH
a.	LAKSAMANA	1	1
b.	LAKSDYA	1	1
c.	LAKSDA	2	2
d.	LAKSMA	2	2
e.	P/KEPT TLDM	3	3
f.	P/KDR TLDM	12	12
g.	LT KDR TLDM	-	-
h.	P/LT KDR TLDM	-	-
i.	LT TLDM	-	-
j.	P/LT TLDM	-	-
k.	LT DYA TLDM	-	-
l.	LT MUDA TLDM	-	-
JUMLAH KESELURUHAN		21	21